



**MAJLIS GABUNGAN PRESIDEN DAN SETIAUSAHA AGUNG (MAPSU)
KESATUAN-KESATUAN DI DALAM KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA**

☎ : -

☎ 011-18587576

✉ : mapsukkm@gmail.com

Ruj Kami : (2021/Feb/002)MAPSU KKM

Tarikh: 20/2/2020

| | | |
|------------|---|--|
| Perkara : | NORMA BAHARU MENDEPANI CABARAN PERKHIDMATAN AWAM | |
| Daripada : | Setiausaha MAPSU KKM | Salinan Kepada : |
| Kepada : | PEMIMPIN / AHLI-AHLI KESATUAN / WARGA KKM | Pengerusi MAPSU KKM / Presiden CUEPACS |

Salam sejahtera,
Salam Malaysia Prihatin, Salam Muafakat Solidariti...

Sesi kunjungan hormat Kepimpinan Tertinggi CUEPACS bersama Wakil Kesatuan Sekerja di bawah Kementerian Kesihatan Malaysia kepada Ketua Setiausaha Kementerian Kesihatan Malaysia pada 18 Februari 2021.

Antara perkara yang dibincangkan adalah pemberian 'one off' RM500 dan RM250 kepada Petugas Barisan Hadapan Kementerian Kesihatan Malaysia yang terlibat secara langsung dalam memerangi Covid 19.

Pemberian 'one off' ini adalah berdasarkan penilaian risiko yang dihadapi oleh Petugas Kesihatan dalam menghadapi Covid 19. Pihak Pengurusan Tertinggi KKM menghargai segala pengorbanan petugas-petugas kesihatan dalam memerangi Pendemik Covid 19.

Justeru itu, semua pihak perlu memikul tanggungjawab bersama untuk '**Teguh Kita Menang Bersama**' dalam penyampaian perkhidmatan dan bersama-sama berganding bahu menjalankan peranan kita masing-masing dan mendokong satu sama lain dengan amalan **Norma Baharu** bagi **Mendepani Cabaran Perkhidmatan Awam** pada masa kini.

"**BERKHIDMAT UNTUK NEGARA**" inilah pengorbanan kita bersama dalam situasi menghadapi '**Proklamasi Darurat**' dan '**Pendemik Covid 19**' demi kesejahteraan negara dan rakyat adalah tanggungjawab bersama.

Kita akui ketika ini negara sedang menghadapi kemelesetan ekonomi yang menjejaskan pendapatan negara. Pihak kerajaan telah mengambil pelbagai inisiatif dalam memperkenalkan pelbagai pakej ransangan ekonomi bagi menstabilkan ekonomi negara dan membantu rakyat yang terjejas akibat Covid 19.

Kita juga panjatkan kesyukuran kerana pihak kerajaan masih berkeupayaan untuk membayar gaji / pemberian bantuan khas kewangan / bayaran kerja lebih masa / kenaikan pangkat / pembayaran elaun selain itu juga ada dikalangan kakitangan kerajaan dibawah B40 / M40 menerima pelbagai insentif pakej ransangan ekonomi termasuk pemberian Bantuan Sara Hidup.

Kepada semua kepimpinan kesatuan sekerja / ahli-ahli kesatuan / warga kerja KKM walaupun detik sukar ini tempuhi namun pihak KKM sentiasa mengutamakan kebajikan kita semua. Segala permasalahan harus dibincangkan dengan kaedah yang betul dan mendapat maklumat yang tepat. Masalah diperingkat pelaksanaan jabatan hendaklah dirujuk dengan pihak jabatan atau kesatuan yang mewakili pihak profesion masing-masing.

Pihak kerajaan telah memperuntukan RM2.3 bilion pembelian vaksin Covid 19 iaitu 70 peratus dari 32 juta rakyat negara ini. Adalah menjadi tanggungjawab kita bersama dalam memastikan **Program Imunisasi Vaksinasi** untuk **Covid 19** ini dapat dilaksanakan dengan jayanya dalam usaha kita menangani pandemik ini untuk mensejahterakan kesihatan rakyat dalam menjayakan misi dan visi Kementerian Kesihatan Malaysia.

Saya mewakili kepimpinan kesatuan sekerja di dalam Kementerian Kesihatan Malaysia mengharapkan sokongan semua pihak untuk mendepani cabaran ini dengan mengamalkan **Norma Baharu Mendepani Perkhidmatan Awam** bahawa bersama **Berkhidmat Untuk Negara** demi negara tercinta.

Sekian, terima kasih.

“NORMA BAHARU MENDEPANI CABARAN PERKHIDMATAN AWAM”
“PRIHATIN RAKYAT : DARURAT MEMERANGI COVID - 19”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,



(REOSTAM BIN DZAHAR)
Setiausaha MAPSU KKM